

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 22 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 31

## CMM kongsi pengalaman pasaran modal Islam Malaysia

### CMM kongsi pengalaman pasaran modal Islam Malaysia

Capital Markets Malaysia (CMM) memaparkan pengalaman Malaysia memanfaatkan kepimpinannya dalam pasaran modal Islam untuk merangka penyelesaian kewangan iklim yang inovatif di Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2022 (COP27).

Dengan matlamat menarik penyertaan antarabangsa yang lebih luas dalam pasaran modal Malaysia, badan bersekutu Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) itu menganjurkan aktiviti libat urus di Balai Pameran Malaysia, di bawah naungan Kementerian Alam Sekitar dan Air Malaysia, dan juga di Balai Pameran UNDP di bawah naungan Program Pembangunan PBB.

Barisan pegawai kanan dari SC dan Bank Negara Malaysia, tokoh dan pemimpin sektor kewangan dari Bursa Malaysia, CIMB Investment Bank, Maybank Investment Bank dan HSBC Amanah Malaysia dan juga pakar subjek dari Sustainable Finance Institute Asia dan Global Compact Network Malaysia dan Brunei berganding bahu dalam mengotengahkan pengalaman Malaysia memanfaatkan kewangan Islam bagi membangunkan ekosistem kewangan lestari negara.

CMM dalam kenyataan berkata, industri kewangan Islam global, dengan aset berjumlah AS\$3.06 trilion setakat 2021, berpotensi memberikan sumbangan besar bagi membiayai jurang pendanaan sedia ada dalam usaha memenuhi Matlamat Pembangunan Lestari PBB (SDG PBB).

"Sinergi antara kewangan Islam dan kewangan lestari boleh dimanfaatkan dalam membina ekosistem pasaran modal yang lebih lestari dan bertanggungjawab sekali gus memajukan agenda kelestarian," katanya.

Perjalanan Pelaburan Mampu dan Bertanggungjawab (SRI) Malaysia bermula pada 2014 dengan pelancaran Rangka Kerja SRI bagi Sukuik oleh SC.

Rangka kerja itu, yang mendorong pembangunan sukuik sebagai kelas aset SRI, membantu syarikat mengumpulkan dana untuk projek hijau, sosial dan kelestarian.

Malaysia kini mendahului dalam penerbitan sukuik lestari di rantau ASEAN dengan bahagian pasaran 56 peratus daripada jumlah pengeluaran sukuik lestari ASEAN setakat November 2021.

Penerbitan sukuik SRI yang kian mantap menyokong pelbagai projek bertumpu Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), termasuk uji jana kuasa fotovoltan solar, bangunan hijau, kuasa hidro dan rumah mampu milik, lantas mempercepatkan peralihan Malaysia kepada ekonomi rendah karbon.